

KAWALAN RUMPAI BERKAYU DAN POKOK

Pengenalan

Rumpai berkayu meliputi kumpulan rumpai seperti pokok atau anak-anak pokok yang batangnya berkayu. Rumpai disebut sebagai tumbuhan atau baka tanaman yang tumbuh bukan pada tempat yang diinginkan.

Objektif perlu dikawal.

- Kurangkan persaingan dengan tanaman untuk nutrient, air and cahaya matahari.
- Rumpai yang kuat bersaing boleh mengurangkan penghasilan tanaman.
- Elakkan halangan pergerakan pekebun di kebun semasa bekerja.

Jenis rumpai & pokok yang umum:

Contoh rumpai berkayu: Senduduk, Senduduk Berbulu, pokok bunga tahi ayam, dan lain-lain.

Contoh pokok liar: pokok getah liar, pokok balik angin, dan lain-lain lagi.

Senarai alatan keselamatan untuk operasi meracun pokok berkayu:

- 1- Apron
- 2- Sarung tangan getah (nitril)
- 3- Cermin mata keselamatan
- 4- Topi keledar keselamatan
- 5- Kasut keselamatan
- 6- Pelitup mulut & hidung
- 7- Baju lengan panjang & seluar panjang

Bahan kimia yang diperlukan untuk operasi meracun pokok berkayu:

- 1- triclopyr (Garlon®, dan lain-lain)
- 2- Diesel

Alatan yang diperlukan untuk meracun pokok berkayu:

- 1- Berus cat
- 2- Balang sukatan
- 3- Batang kayu sambungan panjang (untuk mengikat berus)
- 4- Bekas bancuhan bahan kimia

- 5- Pengacau campuran bahan kimia
- 6- Pam galas (khas untuk racun)

Kaedah meracun pokok berkayu secara sapu:

Contoh bantuan racun menggunakan 1 liter racun Garlon® (32.1% triclopyr)

- a. Kadar racun Garlon® kepada diesel = 1 : 18 (rumpai berkayu kecil)
- b. Kadar racun Garlon® kepada diesel = 1: 9 (pokok kayu besar)

- 1- Diesel yang diperlukan atau disyorkan adalah sebanyak 18 liter.
- 2- Campurkan racun Garlon® kepada diesel dengan kadar seperti yang di syorkan di atas. Selepas itu kacaukan kedua-dua bahan tersebut.
- 3- Seterusnya rendam kepala berus dan sapukan campuran racun di keliling ukur lilit kawasan pangkal batang pokok sehingga dekat akar pokok.

Kaedah cara mengawal Rumpai Berkayu secara sembur :

- 1- Sembur campuran racun metsulfuron methyl 20% (contoh Ally®) pada kadar 6g dicampur dalam 18 liter air. Guna pam galas.
Atau
- 2- Sembur campuran racun triclopyr 32.1% (contoh Garlon™) pada kadar 60ml dicampur dalam 18 liter air. Guna pam galas.



Gambar 1. Pokok Senduduk



Gambar 2. Pokok Senduduk Berbulu



Gambar 3. Pokok getah liar yang belum diracun



Gambar 4. Campuran racun disapu di keliling batang pokok